



**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

BIL. 1	RABU	21 DISEMBER 2022
---------------	-------------	-------------------------

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

Ahli-ahli Yang Mengangkat Sumpah	(Halaman	1)
Semasa Majlis Mesyuarat Dalam Tangguhan	(Halaman	3)
Memperkenalkan Akta-akta	(Halaman	4)
Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman	4)

URUSAN MESYUARAT	(Halaman	5)
-------------------------	----------	----

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan	(Halaman	5)
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	6)
Jalan-jalan Masuk Ke Parlimen	(Halaman	6)
Usul Menteri:		
Pelantikan Ahli Jawatankuasa Pemilih di Bawah P.M. 70	(Halaman	7)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022	(Halaman	9)
---	----------	----

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim (Dilantik)
2. “ Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Dato' Sri Dr. Haji Mohamad Ali bin Haji Mohamad (Dilantik)
3. “ Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)] (Dilantik)
4. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh (Dilantik) Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
5. “ Puan Saraswathy A/P Kandasamy (Dilantik) Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi
6. “ Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad (Dilantik)
7. “ Dato' Sri Ti Lian Ker (Dilantik)
8. “ Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak)
9. “ Dato' Ajis bin Sitin (Pahang)
10. “ Tuan Aknan a/l Ehtook (Dilantik)
11. “ Dato' Arman Azha Abu Hanifah (Dilantik)
12. “ Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan)
13. “ Datuk Dr. Azhar bin Ahmad (Dilantik)
14. “ Tuan Haji Aziz bin Ariffin (Perlis)
15. “ Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan (Dilantik)
16. “ Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah)
17. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai (Dilantik)
18. “ Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
19. “ Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian (Dilantik)
20. “ Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan (Johor)
21. “ Datuk John Ambrose (Dilantik)
22. “ Puan Noraini binti Idris (Sabah)
23. “ Dato' Juhanis binti Abd Aziz (Pahang)
24. “ Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
25. “ Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka)
26. “ Datuk Lim Pay Hen (Johor)
27. “ Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim (Dilantik)
28. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh (Dilantik)
29. “ Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah (Dilantik)
30. “ Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad (Kelantan)

AHLI HADIR (samb/-)

- | | | |
|-----|----------------|--|
| 31. | Yang Berhormat | Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya (Dilantik/ Wilayah Persekutuan Putrajaya) |
| 32. | “ | Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip (Dilantik/ Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) |
| 33. | “ | Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan (Dilantik) |
| 34. | “ | Dato Dr. Nuing Jeluing (Sarawak) |
| 35. | “ | Datuk Paul Igai (Dilantik) |
| 36. | “ | Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi (Dilantik) |
| 37. | “ | Datuk Razali bin Idris (Dilantik) |
| 38. | “ | Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol (Dilantik) |
| 39. | “ | Tuan Robert Lau Hui Yew (Dilantik) |
| 40. | “ | Datin Ros Suryati binti Alang (Dilantik) |
| 41. | “ | Tuan Seruandi bin Saad (Perlis) |
| 42. | “ | Dato' Shamsuddin bin Haji Abd. Ghaffar (Perak) |
| 43. | “ | Puan Susan Chemera Anding (Dilantik) |
| 44. | “ | Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee (Dilantik) |
| 45. | “ | Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu (Dilantik) |
| 46. | “ | Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan) |
| 47. | “ | Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri (Dilantik) |
| 48. | “ | Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa (Dilantik) |

**AHLI TIDAK HADIR
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

- | | | |
|----|----------------|--|
| 1. | Yang Berhormat | Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Menteri Dalam Negeri] (Dilantik) |
| 2. | “ | Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] (Lantikan Semula) |
| 3. | “ | Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir [Menteri Luar Negeri] (Dilantik) |

HADIR BERSAMA

- | | | |
|----|----------------|--|
| 1. | Yang Berhormat | Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Timbalan Menteri Kewangan] (Pontian) |
| 2. | “ | Tuan Steven Sim Chee Keong [Timbalan Menteri Kewangan] (Bukit Mertajam) |
| 3. | “ | Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Timbalan Menteri Dalam Negeri] (Lenggong) |

HADIR BERSAMA (*samb/-*)

4. Yang Berhormat Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi)] (Bukit Gelugor)
5. “ Tuan Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud [Timbalan Menteri Sumber Manusia] (Sepanggar)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Nor Yahati binti Awang

Setiausaha Dewan Negara
Muhd Sujairi bin Abdullah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Adlina Aisyah binti Ahmad Rusli

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Monarita binti Mohd Hassan
Azhari bin Hamzah
Halijah binti Mat Sin
Rosna binti Bujairomi
Alzian binti Baharudin
Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad
Noraidah binti Manaf
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Nor Effazimmah binti Maliki
Nur Annisa binti Hamid
Herdawati binti Mohd Amir Abbu
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim
Nur Hazwanie binti Mohd Rozali
Yoogeswari a/p Muniandy
Muhamad Fazal bin Mahat
Nor Aizafasya binti Zainal
Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Nik Muhammad Ismail bin Karim	Hizamihatim Maggisa bin Juara
Azmir bin Mohd Salleh	Muhammad Firdaus bin Ahmad
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa	Izzul Syazwan bin Abdul Halim
Nor Kamsiah binti Asmad	Maryam binti Azinuddin
Aifarina binti Azaman	Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili
Noorfazilah binti Talib	Nurul Syakirah binti Ibrahim
Farah Asyraf binti Khairul Anuar	Suhaila binti Sariffuddin
Julia binti Mohd. Johari	Nor Afina binti Mohamed Rashid
Syahila binti Ab Mohd Khalid	Muhamad Shafiq bin Ahamad
Ismalinda binti Ismail	Muhammad Akmal bin Md Yusoff
Hazliana binti Yahaya	Wan Nur Faliqha binti Wan Hazani
Amir Arshad bin Ab Samad	Anisah Sahirah binti Hamzah

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA
Rabu, 21 Disember 2022
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA
*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengalu-alukan kehadiran Ahli-ahli Dewan Negara ke Majlis Persidangan Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Majlis Parlimen Kelima Belas, pada pagi ini.

Sidang Dewan Negara ini walaupun hanya sehari, ia cukup bermakna. Pertama, kerana kini teraju pentadbiran kerajaan diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Kesepuluh, bermula era dan zamannya. Majlis mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada beliau. Semoga beliau berjaya memacu perpaduan, ekonomi dan perjuangan rakyat ke arah kesejahteraan.

Pada kesempatan ini, Dewan Negara ingin mengucapkan takziah kepada mangsa-mangsa tanah runtuh di tapak perkhemahan *Father's Organic Farm*, Gohtong Jaya, pada awal pagi 16 Disember yang lalu. Kita mendoakan agar waris-waris mangsa tabah dan bersabar dengan kejadian yang tidak disangka-sangka itu.

Demikian juga simpati kita sekalian kepada mangsa-mangsa banjir di seluruh negara. Ahli-ahli Yang Berhormat dinasihatkan agar memberikan khidmat dan bantuan sekadar yang mampu untuk meringankan beban yang dihadapi rakyat di kawasan masing-masing. Kita berharap juga agar negara ini akan sentiasa dilindungi daripada perkara-perkara yang tidak diingini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, tahniah besar yang telah disampaikan kepada semua pihak juga meliputi capaian yang telah disempurnakan oleh Dewan Rakyat kelmarin dan apa-apa tugas yang kita lakukan pada hari ini adalah tertakluk jua kepada amalan yang telah dilaksanakan dekad demi dekad semenjak merdeka.

Pepatah berkata, "Zaman beredar, pusaka bergilir." Seramai 17 orang Ahli Dewan Negara telah meletakkan jawatan pada hari-hari Pra-Pilihan Raya Kelima Belas, dengan tujuan bertanding. Ada yang berjaya, ada yang tidak.

Seramai enam orang Lantikan Baharu yakni empat orang sebagai Menteri dan dua orang sebagai Timbalan Menteri sudah pun mula berkhidmat sebagai anggota pentadbiran. Beberapa orang yang kalah dalam Pilihanraya Kelima Belas, *alhamdulillah* juga dilantik dan berada dalam kumpulan ini.

Begitulah mulianya Dewan Negara ini, sentiasa menjadi batu loncatan untuk naik ke atas. Boleh saya tambah dengan menyatakan, “Enjit-enjit semut, siapa bernasib baik, naik ke atas.” Moga sebagai Ahli Dewan ini, rakan-rakan Menteri dan Timbalan Menteri tidak melupai Dewan yang mulia ini yang memberi budi, asas dan telapak kepada kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat, juga kesempatan ini saya sebutkan Setiausaha Dewan Negara, sesuai dengan semangat Artikel 43(3), Perlembagaan Persekutuan akan mencatat kehadiran para Menteri di sesi-sesi yang akan datang, dan sesi yang sedang berlangsung tidak berapa lama lagi.

Ini adalah khusus bagi memberi gambaran kepada kita bahawa secara kolektifnya Kabinet itu bertanggungjawab kepada Parlimen. Hal ini belum pernah disebut lagi tetapi penting bagi Dewan tertinggi ini mencatatkannya sebagai satu tanggungjawab.

Dengan kata-kata itu, kita mulakan Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Majlis Parlimen Kelima Belas 2022.

Setiausaha.

AHLI-AHLI YANG MENGANGKAT SUMPAH SEMASA MAJLIS MESYUARAT DALAM TANGGUHAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa Majlis Mesyuarat dalam tangguhan serta mengikut Jadual Keenam, dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

Pada 26 September 2022:

- (i) Yang Berhormat Senator Profesor Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah (Lantikan Baharu, Lantikan Yang di-Pertuan Agong); dan
- (ii) Yang Berhormat Senator Datin Ros Suryati binti Alang (Lantikan Baharu, Lantikan Yang di-Pertuan Agong).

Pada 3 Disember 2022:

- (i) Yang Berhormat Senator Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail (Lantikan Baharu, Lantikan Yang di-Pertuan Agong);

■1010

- (ii) Yang Berhormat Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz (Lantikan Semula, Lantikan Yang di-Pertuan Agong);
- (iii) Yang Berhormat Senator Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir (Lantikan Baharu, Lantikan Yang di-Pertuan Agong); dan
- (iv) Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar (Lantikan Baharu, Lantikan Yang di-Pertuan Agong).

Pada 10 Disember 2022:

- (i) Yang Berhormat Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh (Lantikan Baharu, Lantikan Yang di-Pertuan Agong); dan
- (ii) Yang Berhormat Senator Puan Saraswathy a/p Kandasamy (Lantikan Baharu, Lantikan Yang di-Pertuan Agong).

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai kewajipan kita di Dewan ini, saya ditugaskan untuk memaklumkan bahawa Majlis ini telah dengan persetujuan dan perkenan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong serta limpah kurnia Baginda, telah memperkenalkan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Kelima, Parlimen Keempat Belas yang lalu seperti berikut:

- (i) Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Pembubaran) 2022;
- (ii) Akta Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2022;
- (iii) Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2022;
- (iv) Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.3) 2022;
- (v) Akta Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (Pindaan) 2022;
- (vi) Akta Kawalan Padi dan Beras (Pindaan) 2022;
- (vii) Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah (Pindaan) 2022;
- (viii) Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2022;
- (ix) Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2022;
- (x) Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2022;

- (xi) Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2022;
- (xii) Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2022;
- (xiii) Akta Racun (Pindaan) 2022;
- (xiv) Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022;
- (xv) Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2022;
- (xvi) Akta Antigangguan Seksual 2022;
- (xvii) Akta Kastam (Pindaan) 2022;
- (xviii) Akta Eksais (Pindaan) 2022;
- (xix) Akta Zon Bebas (Pindaan) 2022;
- (xx) Akta Cukai Pelancongan (Pindaan) 2022;
- (xxi) Akta Levi Pelepasan (Pindaan) 2022;
- (xxii) Akta Levi Kenderaan Barang-barang (Pindaan) 2022;
- (xxiii) Akta Levi Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2022;
- (xxiv) Akta Cukai Jualan (Pindaan) 2022; dan
- (xxv) Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2022.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya menjemput Setiausaha Dewan Negara membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“20 Disember 2022

Perutusan Daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akuan) 2022 (D.R.47/2022) dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya.

Yang ikhlas,

t.t

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat”

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh]: Tuan Yang di-Pertua mengikut Peraturan Mesyuarat 66(2), saya mohon memaklumkan supaya rang undang-undang yang tersebut dalam perutusan itu, dibacakan kali kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini. Terima kasih.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

10.16 pg

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh]: Tuan Yang di-Pertua,

“Saya mohon mencadangkan bahawa walau apa pun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, dan dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 13(2), Majlis Dewan Negara ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini diputus dan diluluskan, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong? Sesiapa pun boleh di kalangan anggota pentadbir.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Puan Saraswathy a/p Kandasami]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

10.17 pagi.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah]:

Bismillahi Rahmani Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

“Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara, Parlimen Kelima Belas yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui, dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini, dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu”.

Tuan Yang di-Pertua: Sokongan?

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah satu Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri seperti yang telah dibacakan tadi hendaklah dipersetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, suka saya mengingatkan bahawa Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tadi telah pun dipersetujui. Ia disifatkan sebagai satu perintah oleh Majlis Mesyuarat Dewan Negara kepada yang berkenaan.

Namun, jika meninjau sejarah kita bersidang, Usul seperti ini yang juga dikemukakan di Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara ini seolah-olah tidak mendapat apa-apa reaksi dari Bukit Aman. Oleh itu suka kita mencadangkan supaya dibawa ke perhatian yang berkenaan, betapa pentingnya Usul ini tampak dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Saya mengambil kesempatan untuk membawa perhatian kita kepada seksyen 9(c) Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 yakni Akta 347, di mana apa-apa Usul atau Perintah di bawah Parlimen hendaklah dipatuhi tanpa perlunya bagi saya untuk menyebut apa akan jadi jika perintah itu tidak dipatuhi.

Dengan itu nota penting ini kita terima dengan sebaiknya dan berharap kementerian berkenaan mengambil tindakan sesungguhnya selepas Setiausaha Dewan menulis surat kepada yang berkenaan.

■1020

USUL MENTERI

PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA PEMILIH DI BAWAH P.M 70

10.20 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh]: Tuan Yang di-Pertua,

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, saya mohon mencadangkan supaya Ahli Yang Berhormat berikut:

1. Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato’ Seri Utama Dr. Rais Yatim, (Pengerusi) (Yang di-Pertua Dewan Negara);
2. Yang Berhormat Senator Dato’ Dr. Ahmad Azam bin Hamzah;
3. Yang Berhormat Senator Dato’ Kesavadas a/l A Achyuthan Nair;
4. Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh; dan
5. Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemeraí Anding.

Dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pemilihan di bawah Peraturan Mesyuarat 70 untuk tempoh Penggal Pertama, Parlimen Kelima Belas, dan selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(2), Majlis Mesyuarat dengan ini memberi kuasa kepada Jawatankuasa Pemilihan memanggil orang hadir di hadapannya serta meminta dikeluarkan surat-surat.”

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Dato’ Setia Dr. Haji Mohd Na’im bin Haji Mokhtar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong Usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ialah Usul Yang Berhormat Menteri itu terbuka untuk dibahas. Namun, lazimnya tiada perbahasan

dilaksanakan ke atas Usul seperti itu. Akan tetapi sekiranya ada, Ahli Yang Berhormat ingin berbahas, dibenarkan.

Sesungguhnya kita menzahirkan terima kasih atas Usul tersebut dan juga mengharapkan supaya Jawatankuasa Khas yang dimaklumkan itu menjalankan tugasnya dengan berkesan sekali. Maklum sahajalah dengan keadaan sekarang, kita perlu melihatkan kepada rakyat dan juga kepada semua pemegang tugas dan juga kepentingan agar Dewan Negara terus menjalankan tugasnya sesuai dengan tuntutan Perlembagaan Malaysia.

Sealiran dengan itu, sukacita saya memaklumkan bahawa semalam, Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh telah berjumpa dengan saya di pejabat. Kami berbincang antara lain berkenaan transformasi Parlimen yang menyentuh tentang:

- (i) menghidupkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963;
- (ii) pindaan kepada Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952; dan
- (iii) mewujudkan Kod Etika Ahli-ahli Parlimen.

Sepatutnya rang undang-undang tersebut dibentangkan pada 15 November 2022 dan 16 November 2022. Akan tetapi, lantaran Dewan Rakyat dibubarkan pada 10 Oktober 2022, maka hasrat murni Parlimen Malaysia itu tergendala. Dengan keadaan sedemikianlah, dengan adanya tujuan dan juga pelaksanaan Jawatankuasa tersebut dapat hendaknya kita menyegerakan bersama tujuan murni yang disebutkan seperti itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam keadaan sedemikian, ingin saya menyatakan bahawa masalahnya ialah bagi Usul seperti yang dikemukakan sebentar tadi itu dapat kita terima dengan sepenuhnya.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Suka saya menambah sedikit Ahli-ahli Yang Berhormat, terkait dengan Usul yang telah dipersetujui itu tadi, tiga Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Negara yang telah ditubuhkan harus diteruskan sebagaimana termaktub dalam terma rujukannya. Jawatankuasa Pemilih akan mengisi kekosongan-kekosongan yang ada dalam semua Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut dan Jawatankuasa Tetap yang lain.

Saya menyeru dan berharap semua Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa dapat bergiat lebih aktif dan memainkan peranan dalam kesemua jawatankuasa ini. Petanda yang paling baik ialah bagi sesuatu isu besar, segera hendaknya salah satu daripada Jawatankuasa Dewan Negara bersidang dan melaporkan segera apa harus kita lakukan. Dengan cara ini, maka rakyat akan melihat Dewan Negara lebih tersusun, lebih terfokus

dan lebih bertanggungjawab dalam hal ehwal kita memperjuangkan nasib rakyat. Setiausaha.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG DISATUKAN (PERBELANJAAN MASUK AKAUN) 2022

Bacaan Kali Yang Kedua

10.25 pg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]:
Bismillahi Rahmani Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta bagi membenarkan perbelanjaan untuk sebahagian dari tahun yang berakhir pada 31 Disember 2023 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan rang undang-undang ini adalah untuk mendapatkan kebenaran sementara bagi perbelanjaan kerajaan untuk beberapa bulan permulaan tahun 2023 sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 2023 diluluskan kelak oleh kedua-dua Dewan sekitar Februari 2023 dan Mac 2023. Peraturan ini mengikut Perkara 102(a) Perlembagaan Persekutuan.

Rang undang-undang ini ialah untuk membenarkan pengeluaran daripada Kumpulan Wang Disatukan yang tidak melebihi RM107,718,676,650 yang dianggarkan mustahak bagi perkhidmatan kerajaan untuk tempoh enam bulan yang pertama tahun 2023. Jadual pada rang undang-undang ini menyediakan peruntukan-peruntukan bagi perkhidmatan-perkhidmatan tertentu untuk masa itu.

Perbelanjaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini tidaklah termasuk perbelanjaan tanggungan di mana tidak dikehendaki untuk diluluskan oleh Rang Undang-undang Perbekalan tahunan. Anggaran perbelanjaan mengurus ini antaranya merangkumi bayaran gaji kepada penjawat awam, utiliti, biasiswa, bantuan kebajikan rakyat serta perkhidmatan pendidikan dan kesihatan. Oleh hal yang demikian, rang undang-undang ini amat mustahak untuk diluluskan bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat bagi tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja ringkas dan akhirnya dengan serangkap pantun.

*Pergi acara bersama belia,
Gerak berganding membantu yang miskin;
Dewan Negara Dewan mulia,
Kita berunding sebaik mungkin.*

Saya mohon mencadangkan... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Siapakah yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Sim Chee Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah.*

*Adanya burung di Cilacap,
Terbang-terbang di langit biru;
Setelah saudara Yang Berhormat bercakap,
Kita berharap ia menjadi satu.... [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi membenarkan perbelanjaan untuk sebahagian dari tahun yang berakhir pada 31 Disember 2023 ini Dibacakan Kali Yang Kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Walau bagaimanapun, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa rang undang-undang ini dibentangkan di bawah Peraturan Mesyuarat 52(3) berkenaan rang undang-undang yang dibawa dalam Dewan Rakyat. Menurut perenggan (a), dalam Artikel 102 Perlembagaan Persekutuan, bagi memberi kuasa perbelanjaan wang bagi sebahagian daripada satu-satu tahun.

Seperti mana yang telah kita lihat, selaras dengan Peraturan Mesyuarat 52(3), perbincangan ke atas rang undang-undang ini tidak boleh termasuk perkara-perkara Dasar dan tadbir kerajaan atau tujuan-tujuan perbelanjaan itu.

■1030

Pada perbincangan di Dewan Rakyat semalam, telah ditiadakan perbincangan berkenaan.

Untuk menyelaraskan tradisi dan kuasa pelaksanaan tuntutan Perkara 102 itu, maka wajar lah kita samakan keselarasannya dan tidak berbahas. Namun demikian, penting bagi saya menekan bahawa bagi Senat yang tidak berucap sama sekali, tidaklah afdal rasanya jika kita tidak menyuarakan sepatah dua tentang hal-hal yang bukan menyentuh Dasar tetapi tentang perkara-perkara yang ada kaitan dengan peruntukan yang berkenaan.

Justeru, sukacita saya mempersilakan lima orang untuk berucap dan harap beri pengedaran masanya kepada lima hingga enam minit, dan pemegang penentu kuasa menekankan butang bila sampai masanya.

Dari lima orang ini, secara rambang, kita mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

10.32 pagi.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya bermula, saya ambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah yang amat tinggi kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim yang telah dilantik sebagai Perdana Menteri Ke-10 dan telah juga menang Undi Percaya di Dewan Rakyat dua hari kelmarin.

Tahniah juga kepada Menteri-menteri dan Timbalan Menteri yang telah dilantik di bawah pimpinan Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Dewan Negara yang membahaskan rang undang-undang ini, saya berasa terpenggil untuk menyentuh perihal perpaduan nasional sebagai inti pati pertama perbahasan saya. Walaupun kerajaan yang mentadbir hari ini merupskan sebuah kerajaan yang didukung atas semangat perpaduan nasional, namun saya berasa kecewa dan kesal terhadap sentimen perkauman yang diapi-apikan di laman-laman media sosial. Sentimen perkauman yang dicetuskan menerusi persengketaan politik tidak seharusnya berlanjutan selepas Pilihan Raya Umum yang lalu.

Sebagai sebuah Kerajaan Persekutuan yang dibarisi dengan figura-figura politik yang berbilang bangsa dan agama, isu perkauman seharusnya ditangani menerusi pendekatan yang efektif.

Sebagai kementerian yang bertanggungjawab dalam pembinaan negara yang bersatu padu, Kementerian Perpaduan Negara sewajarnya berganding bahu bersama Kementerian Komunikasi dan Digital dalam mempromosikan Agenda Perpaduan Nasional yang selama ini menjadi tali ikatan sesama kita rakyat Malaysia.

Saya secara peribadi menyokong jalinan kerjasama antara kedua-kedua kementerian tersebut yang telah dizahirkan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara baru-baru ini.

Saya difahamkan bahawa kerjasama tersebut mempunyai motif atau matlamat yang menyelesaikan isu 3R – “*race*”, “*religion*”, “*royal*”, yang selama ini menjadi isu hangat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang ketiga itu apa, Yang Berhormat?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: *Royal. Royalty.*

Tuan Yang di-Pertua: Oh, *royalty*. Pihak Diraja, ya?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya. Kita tidak boleh dinafikan hakikat bahawa media sosial terutama *TikTok* dan *Facebook* telah dijadikan sebagai pentas bagi golongan yang tidak bertanggungjawab untuk menyalakan api perkauman khususnya ketika musim pilihan raya. Penguatkuasaan undang-undang sahaja tidak cukup untuk mendidik jiwa kita untuk lebih mencintai Malaysia sebagai negara berbilang bangsa.

Menerusi *joint venture* atau bekerjasama yang dihasratkan Kementerian Perpaduan Negara dan Kementerian Komunikasi dan Digital seharusnya mempelbagaikan inisiatif yang interaktif yang mampu menyebarkan bunga cinta rakyat Malaysia terhadap penyatuan sesama kita.

Oleh yang demikian, saya merasakan bahawa pembikinan filem atau sebarang bentuk karya seni digital yang berunsurkan perpaduan nasional wajar diberikan sokongan oleh kedua-dua kementerian tersebut. Jika karya seperti filem *Mat Kilau* boleh menaikkan semangat cinta akan tanah air, mengapa tidak pengkarya filem tempatan diberi galakan oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) untuk menghasilkan filem-filem yang berimpak tinggi yang boleh menjadikan doktrin kepada rakyat untuk menghargai nilai perpaduan yang semakin pudar dek hasutan puak-puak tertentu.

Tuan Yang di-Pertua: Baru-baru ini Yang Berhormat, ada Pengerusi FINAS yang daripada golongan Senat...

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Kita, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Beliau sepatutnya kalau masih di situ, agaknya dapat melaksanakan apa Yang Berhormat sebut ini.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Saya harap begitu.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi malang sedikit, beliau telah disuruh beredar.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya. Akan tetapi satu masa di hadapan, mungkin dia...

Tuan Yang di-Pertua: Kita menzahirkan dukacita sedikit lah.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ini lah masanya untuk Kerajaan Perpaduan memandu agenda kebersamaan nasional ke arah mewujudkan keharmonian yang sepatutnya menjadi tunjang penting dalam pembentukan Malaysia maju dan sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, apakah ertinya kemajuan dan kesejahteraan negara tanpa kestabilan politik? Biarpun tidak dipilih untuk menganggotai pentadbiran kerajaan, namun saya sempat berasa bertuah kerana masih sempat menabur bakti selaku Ahli Dewan Negara dalam coretan sejarah Malaysia pasca Pilihanraya Ke-15. Perjanjian Kerajaan Perpaduan Malaysia yang dimeterai oleh parti-parti politik gabungan pada minggu lalu merupakan anjakan baharu dalam landskap politik tanah air yang wajar kita dukung sebagai asas pembinaan Malaysia yang lebih maju.

Bolehkah saya ambil dua hingga tiga minit, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Satu minit lagi. Silakan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Okey kalau macam itu, ringkaskan di sini. Tuan Yang di-Pertua, perjalanan...

Tuan Yang di-Pertua: Itulah Yang Berhormat, saya selalu sebut, kalau dalam bentuk nota, boleh cepat sedikit. Tetapi kalau baca, barangkali ia...

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya, betul juga.

Tuan Yang di-Pertua: Sajalah saya membuat teguran lagi. Silakan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Tuan Yang di-Pertua, perjalanan yang kita akan tempuhi pada masa hadapan bukan sahaja dipenuhi dengan ranjau, malah ia juga diselubungi dengan ketidaktentuan. Rentetan daripada terbentuknya kerajaan yang diperkenalkan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, rakyat mengharapkan agar episod kudeta atau rampasan kuasa tidak lagi berulang. Hotel Lima Bintang di ibu kota tidak boleh lagi digunakan sebagai *chess table* oleh pemain-pemain politik untuk merangka permainan kotor yang boleh mengucar-ngacirkan kestabilan kerajaan yang diresmi oleh rakyat dan Rajanya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa tidak mengizinkan, saya dengan ini mengakhiri ucapan perbahasan saya, dan saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas. Yang Berhormat Senator Dato' Razali bin Idris.

10.09 pagi.

Dato' Razali bin Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk membuat sedikit ucapan, bukan perbahasan.

Jadi, yang pertamanya, saya mewakili Majlis Senator Malaysia merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim selaku Perdana Menteri Malaysia yang Ke-10, dan saya juga merakamkan ucapan tahniah kepada beberapa Yang Berhormat Senator yang dahulunya bersama dengan kita dan sekarang dilantik sebagai- menang pilihan raya dan dilantik sebagai Menteri...

Tuan Yang di-Pertua: Yang tak menang pun ada kan?

Dato' Razali Idris: Yang tak menang, tak mengapalah. Yang menang untuk-mudah-mudahan beliau dapat datang dengan sempurna di Dewan Negara. Jangan hantar Timbalan Menteri sebagai contoh. Menteri datang. Bekas Senator menjadi Menteri- jadi Menteri sendiri datang menjawab soalan-soalan atau apa yang dibahaskan dalam Dewan Negara... [Tepuk]

■1040

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berniat untuk membahaskan isu rang undang-undang kerana ini Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan- Yang

Berhormat Menteri Penerangan yang kedua- kedua, pertama? Yang Berhormat Menteri Kewangan. Minta maaf. Penting, tidak perlu dibahaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri- ya.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Razali bin Idris: Tidak perlu dibahas, dan perlu disokong dan kami- saya menyokong sepenuhnya rang undang-undang ini. Cuma, apabila saya perhatikan di dalam, sebanyak 64 buah perkara, dan saya memohon jasa baik Yang Berhormat Menteri supaya dalam keadaan sekarang di negeri Terengganu, Kelantan dan sebelah Selatan, yang mengalami banjir yang sangat teruk.

Banyak korban, ada korban nyawa dan ada satu buah kampung hilang. Contohnya, di Terengganu, di Besut yang agak ketara. Saya tidak hendak membuat perbandingan dengan kerajaan terdahulu. Akan tetapi, saya hendak mohon di sini supaya Yang Berhormat Menteri Kewangan memberikan sedikit peruntukan kepada Yang Berhormat Senator untuk kita sama-sama turun ke bawah dan membantu apa yang perlu... *[Tepuk]*

Tidak ada, Yang Berhormat Menteri tidak ada dalam ini. Jadi, kalau dulu semasa pandemik COVID-19, kita dapat sebanyak RM250 ribu seorang- RM300 ribu?

Tuan Yang di-Pertua: RM300 ribu.

Datuk Razali bin Idris: *Oh*, naik RM50 ribu, jadi RM300 ribu- tidak kira sama ada menyokong kerajaan atau tidak menyokong kerajaan. Pada kali ini saya hendak minta bukan RM300 ribu, saya hendak minta hanya RM250 ribu sahaja seorang... *[Tepuk]* Kepada Yang Berhormat Senator 'Gurkha'- Yang Berhormat Senator 'Gurkha' yang tidak ada jawatan- Menteri dan Timbalan Menteri, itu sudah ada peruntukan.

Jadi, saya rasa, tidak sampai 50 orang yang ada dalam Dewan Negara ini. Jadi, saya rasa itulah hasrat saya dan hasrat semua rakan. Ada yang tidak setuju?

Beberapa Ahli: ...Setuju.

Datuk Razali bin Idris: Semua setuju. Jadi, itulah Yang Berhormat Menteri menambah sikit lagi untuk seketika- tiga bulan ini untuk kita bersama-sama memberi dukungan, semangat kepada mangsa-mangsa banjir terutamanya di Pantai Timur- Kelantan dan Terengganu.

Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong penuh rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

Kita beralih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa, mantan Pengerusi FINAS.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

10.43 pg.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

*Burung merpati terbang tinggi,
Anak ayam di atas pedati;
Walaupun FINAS tiada lagi,
Jawatan tetap kekal di hati... [Tepuk]*

*Terbang tinggi burung kelicap,
Hinggap rendah di pohon melati;
Terima kasih diberi berucap,
Pandangan berucap dari hati saya.*

Tuan Yang di-Pertua, tahniah, tahniah saya ingin mengucapkan kepada semua yang berada di sini. Tahniah juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Ke-10, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Yang Amat Timbalan Perdana Menteri I, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri II, Dato' Seri Fadillah bin Yusof.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022.

Pertama, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kerana pembentang RUU ini mengambil kira kepentingan rakyat Malaysia amnya.

Saya amat yakin pembentangan ini akan memastikan kesinambungan perkhidmatan cemerlang para penjawat awam dan pembayaran pembangunan bagi projek-projek kerajaan yang telah pun diluluskan sebelum ini. Berhubung dengan ini, saya ingin menekankan beberapa aspek seperti berikut.

Pertama, kestabilan politik membawakan penggalakan pelaburan. Antara instrumen penting yang dilihat oleh pelabur-pelabur iaitu kestabilan politik dan kepimpinan sesebuah negara itu. Kestabilan politik mampu menggalakkan lagi pelaburan seperti baru-baru ini, Konglomerat Arab Saudi, Ajlan & Bros Holding Group bakal melabur hampir RM34 bilion dalam sembilan buah syarikat Malaysia. Sumber ini adalah daripada Astro AWANI dan *Berita Bisnes*.

Pelaburan tersebut mampu mengembangkan lagi ekonomi Malaysia melalui perdagangan luar dan pelaburan asing FDI yang kukuh, *insya-Allah* bagi sektor pembuatan, aktiviti kewangan dan insurans serta sektor perdagangan borong dan runcit negara yang semakin maju telah menarik sebahagian besar daripada aliran masuk FDI terutamanya dari Switzerland, Amerika Syarikat, Hong Kong dan Jepun pada tahun ini

dengan jumlah dagangan berkembang sebanyak 23.6 peratus kepada RM624.9 bilion manakala FDI bersih meningkat RM24.4 bilion, suku ke-empat tahun 2021, iaitu sumbernya daripada MOF sendiri.

Kedua, pembangunan ekonomi didukung dengan kestabilan politik. Kegoyahan dalam kestabilan politik di Malaysia telah memberikan impak negatif terhadap pembangunan negara kita. Menerusi pembentangan perbelanjaan ini, negara akan menyaksikan keadaan yang lebih stabil dan fungsi mentadbir secara lebih terurus.

Lanjutan itu, ia akan membuktikan bahawa negara telah mencapai suatu kesepakatan dalam kepimpinan yang mampu meniup keyakinan bagi pelabur luar untuk kembali memilih Malaysia sebagai destinasi pelaburan utama sekali gus merencanakan dan memulihkan kembali pertumbuhan ekonomi negara.

Pelaksanaan projek akan menjadi lebih mampan dan menambah keyakinan pelabur dari luar negara akan berprestasi tadbir urus yang lebih baik. Pada waktu yang sama, peratusan pengangguran dalam negara dapat dikurangkan menerusi penyediaan peluang pekerjaan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam projek-projek yang telah diluluskan oleh kerajaan sebelum ini.

Ketiga, kerajaan yang stabil bagi lima tahun yang akan datang dengan mengadakan undi percaya ini, insiden pertukaran kerajaan beberapa kali seperti sebelum ini, tidak akan berulang lagi sekali gus memastikan keharmonian negara dan kesejahteraan rakyat dapat dipastikan.

Malaysia bukan sahaja memerlukan sesebuah kerajaan stabil tetapi mempunyai barisan kepimpinan yang berwibawa dengan mengambil pendekatan jangka panjang berbanding bertindak mengikut sentimen semata-mata. Maka yang demikian, kita harus titik noktah akan segera segala perdebatan mengenai keabsahan kerajaan ini dan kembali memberi tumpuan dan keutamaan kepada agenda membantu rakyat dan memakmurkan negara. *Insyaa-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong pembentangan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022.

Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikumussalam*, kembali. Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah.

10.49 pagi.

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terlebih dahulu- saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang dan peluang untuk saya

membahaskan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022.

Pertama sekali, kami daripada Barisan Nasional ingin mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah dilantik ke Dewan Negara dalam Kerajaan Perpaduan.

■1050

Kepada Ahli Dewan yang telah diberikan mandat untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara, kami daripada Barisan Nasional menyeru rakan-rakan Yang Berhormat Senator menyambut baik Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah tentang pembentukan Kerajaan Perpaduan.

Antara inti pati penting dalam Titah Baginda adalah supaya Wakil Rakyat, pemimpin untuk memupuk semangat kebersamaan dalam kalangan masyarakat serta tiada lagi pemimpin membangkitkan isu-isu perkauman ataupun agama bagi tujuan menghasut rakyat kerana pemimpin merupakan contoh kepada rakyat di persada dunia.

Kami di Barisan Nasional ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim yang telah Mengangkat Sumpah atas pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-10, juga telah menerima Usul 'Undi Percaya' di Dewan Rakyat pada 19 Disember 2022 atas keabsahan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-10.

Saya juga ingin merakamkan jutaan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, dan juga Dato' Seri Fadillah bin Yusof atas pelantikan sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Rentetan daripada pembentangan emolumen semalam, sekali lagi ucapan sekalung tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah mendapat sokongan lebih dua per tiga/ majoriti, malah tiada yang tidak menyokong. Usul untuk meluluskan emolumen ini amat penting kerana sebahagian daripada peruntukan ini amat diperlukan dengan segera bagi tujuan bantuan negeri-negeri yang dilanda bencana khususnya seperti di Pantai Timur.

Selain itu, turut memperimbangkan keperluan segera daripada sektor perkhidmatan awam seperti gaji, biasiswa, utiliti, kebajikan, pendidikan dan kesihatan. Emolumen ini dapat memberikan kesinambungan inisiatif dan aspirasi kerajaan yang telah dibentangkan pada 7 Oktober 2022 di mana fokus menghalakan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran ekonomi negara sebagai persediaan menghadapi ketidaktentuan yang diramalkan seperti berlaku pada tahun hadapan.

Sekali lagi merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana meluluskan aspirasi kerajaan. Beliau membuktikan

penerimaan aspirasi ini dalam keterbukaan beliau menerima dan meraikan kepelbagaian pendapat yang bernas dari blok Barisan Nasional di mana memanfaatkan rakyat di bawah tampuk kepimpinan beliau.

Kerajaan Perpaduan ditubuhkan terdiri daripada barisan Kabinet yang berkaliber serta profesional- yang kompeten, berpengalaman luas dalam bidang masing-masing. Oleh itu, barisan-barisan Wakil Rakyat dalam Kerajaan Perpaduan ini akan memberikan khidmat yang terbaik bagi memastikan kebajikan setiap rakyat terbela dan memacu ke arah negara yang lebih maju.

Dalam keadaan negara yang masih baharu dalam penubuhan barisan Wakil Rakyat dan Kerajaan Perpaduan, situasi getir yang berlaku di negeri-negeri Pantai Timur amat memerlukan tampuk kepimpinan mampu membela rakyat dan kebajikan mereka yang terpaksa menempuh musibah banjir saban tahun, setiap kali Musim Tengkujuh.

Oleh yang demikian, Wakil Rakyat dan kementerian yang terlibat, perlu mengambil langkah yang wajar, progresif selain menyalurkan bantuan segera seperti penempatan sementara, bantuan makanan, keperluan asas harian, dan setiap perkara untuk menangani isu banjir di Pantai Timur.

Saya juga ingin menyokong cadangan daripada sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Razali untuk diberikan peruntukan sebanyak RM250 ribu kepada Ahli-ahli Senator untuk kita membantu rakyat yang terkesan akibat masalah banjir di Pantai Timur... [Tepuk].

Saya berpandangan, di bawah kesedaran daripada pihak pemaju, perancang bandar serta wilayah untuk memastikan masa hadapan mempunyai syarat-syarat yang lebih ketat bagi membangunkan dan memajukan sebuah kawasan, yang lebih penting berbanding merencanakan pembangunan projek perumahan tanpa memikirkan kebajikan rakyat pada masa hadapan.

Begitu juga hal isu tanah runtuh yang menggemparkan negara baru-baru ini di mana hampir 100 orang, serta perkhemahan menjadi mangsa, telah meragut nyawa kanak-kanak dan ahli keluarga yang menemani mereka. Saya berpendapat, perlu ada penguatkuasaan, pematuhan polisi melalui pemeliharaan alam sekitar serta perlu diteliti, dikaji demi kesejahteraan, kebergantungan manusia dan alam sekitar.

Kami di Barisan Nasional menyambut baik usul pemberian Bantuan Tunai Rakyat untuk dipercepatkan ke bulan Januari. Hal ini dapat membantu isi rumah- rakyat yang terkesan akibat masalah banjir khususnya di Pantai Timur. Saya berharap Kerajaan Perpaduan dapat membela, menjamin kelangsungan rakyat dan cabaran ekonomi secara inklusif dan tiada rakyat yang tercicir.

Akhir sekali, saya mewakili Barisan Nasional menyambut baik dan menyokong penuh langkah Rang Undang-undang Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022 untuk disalurkan kepada golongan yang bersasar.

Kami di Barisan Nasional juga berharap emolument ini dapat dimanfaatkan oleh golongan sasar, membantu secara langsung mahupun tidak langsung atas kebajikan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, dan kerajaan Malaysia.

Sekian sahaja, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah. Terus kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

10.55 pagi.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah... [Berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW]*

Tuan Yang di-Pertua, serta sahabat-sahabat sekalian, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Perpaduan yang telah pun terbentuk baru-baru ini yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Yang telah pun Mengangkat Sumpah pada 24 November yang lalu serta pembentukan Jemaah Menteri serta Timbalan-timbalan Menteri beberapa minggu kemudiannya.

Kami sebagai rakyat sangat-sangat berharap dengan pakej yang dimiliki oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ke-10, yang mempunyai hubungan baik dengan negara-negara luar, yang telah terbukti melalui ucapan-ucapan tahniah sebaik sahaja beliau Mengangkat Sumpah sebagai Perdana Menteri. Puluhan negara telah mengucapkan tahniah dalam- tidak silap saya tiga hari pertama sahaja, 40 lebih negara telah mengucapkan tahniah kepada beliau.

Sebelum pelantikan beliau sebagai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun, saham di Bursa Saham telah melonjak naik begitu juga dengan pengukuhan Ringgit. Itu menunjukkan bahawa seluruh dunia telah yakin dengan kewibawaan dan kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ke-10 ini.

Begitu juga beliau telah menunjukkan beberapa tahun yang lepas, tata kelola pengurusan kewangan negara sehinggakan beliau telah menjadi salah seorang daripada Menteri Kewangan terbaik di Asia, dan semasa tempoh khidmat beliau sebagai Menteri Kewangan, saya rasa itulah rekod Malaysia yang mempunyai defisit kewangan yang paling rendah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa inilah saat yang dinanti-nantikan oleh semua rakyat- terbentuknya Kerajaan Perpaduan yang merangkul semua kaum dalam pentadbirannya, dan kita berharap dengan pelantikan, dengan adanya Kerajaan Perpaduan ini, isu-isu perkauman tidak lagi menjadi mainan setengah-setengah pihak terutamanya parti-parti politik tertentu yang selama ini bila tiba sahaja pilihan raya, itulah isu utama yang dimainkan. Dua perkara iaitu perkauman dan juga agama.

Jadi, kita berharap dengan pembentukan Kerajaan Perpaduan ini, kita telah merangkul semuanya sekali. Jadi, perkara-perkara yang terutamanya yang menyentuh perpaduan ini kita berhentikan dengan kadar segera.

Namun, saya berasakan kerajaan ini berhadapan dengan masalah yang agak rumit untuk diselesaikan dengan beban hutang yang begitu tinggi, di samping keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu. Walau bagaimanapun, saya berharap beberapa- fokus utama, perlulah diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa negara kita dipacu sebaik mungkin.

Pertama, saya rasa semua orang tahu beban kos sara hidup rakyat adalah amat meruncing. Bak ketika ini kos sara hidup sangat-sangat tinggi. Nasi campur sepinggan sekarang belasan Ringgit. Kadang-kadang kita fikir tidak masuk akal tetapi realitinya itulah ia.

Jadi, kita harap dengan kadar segera, saya rasa kerajaan tengah berusaha sekarang ini- untuk merancang aktiviti-aktiviti ataupun mengadakan perancangan-perancangan tertentu untuk mengurangkan kos sara hidup dengan kadar segera.

■1100

Kedua memfokuskan keterjaminan bekalan makanan negara. Buat masa ini kerajaan membenarkan import telur. Sebelum ini import daging ayam dari luar negara. Saya rasa tidak salah dalam keadaan yang agak meruncing ini dan keadaan yang serba kekurangan buat masa sekarang terutama daging ayam dan telur. Akan tetapi kerajaan janganlah leka pula sudah buka untuk import, selepas itu tidak tutup. Sebab apa, sebab sebenarnya ayam dan telur ini kita telah capai tahap sara diri malahan kita berjaya eksport ke negara-negara tertentu seperti Singapura, Hong Kong. Maksudnya kita mencapai tahap sara diri, kita keluarkan daging, ayam dan telur kita sendiri sejak tahun 1980-an, sejak tahun 1984.

Jadi kalau kita tidak membendung ataupun tidak kawal pengimportan kedua-dua bahan ini saya rasa pada satu ketika nanti daging, ayam dan telur akan menjadi tidak terkawal harganya. Jadi kalau kita keluarkan sendiri, kita boleh kawal harga sebab kos ini kita boleh kawal.

Seterusnya, mengurangkan jurang pembangunan bandar dan luar bandar. Saya rasa sekarang ini terutamanya kalau kita bandingkan Semenanjung Malaysia, Sabah dan

Sarawak melalui beberapa lawatan saya ke Sabah dan Sarawak, kita tengok beberapa buah kampung kadang-kadang amat menyedihkan. Bekalan air dan bekalan elektrik sampai sekarang dalam keadaan moden ini, dunia moden mereka ketinggalan 20 tahun, 30 tahun ke belakang dan begitu juga kawasan-kawasan orang Asal, Orang Asli di Gua Musang, kampung tebing sungai di Gua Musang mempunyai rakyat lebih dari 500 orang tetapi jalan ke sana sejauh 20 ke-30 kilometer itu amat teruk. Saya rasa musim banjir ini mungkin laluan mungkin terputus untuk mereka.

Jadi bayangkan perkara-perkara sebegini, saya rasa kerajaan harus mengambil tindakan yang segera dan seterusnya pendidikan, saya rasa semasa COVID-19, anak-anak ada yang tercicir di universiti dan juga sekolah-sekolah. Jadi saya rasa kerajaan perlu fokuskan dalam menyelesaikan dalam masalah keciciran anak-anak ini dan terakhir, masalah kesihatan terutama penyakit ini *noncommunicable diseases* ataupun penyakit yang tidak berjangkit yang saya rasa kerajaan telah berbelanja berbilion Ringgit untuk mengatasi atau merawat penyakit-penyakit ini.

Jadi saya rasa kerajaan perlu memfokuskan kepada masalah-masalah ini terutamanya daripada segi program-program mempromosikan kesihatan yang baik dan juga aktiviti-aktiviti yang sihat, yang menjamin kesihatan rakyat.

Jadi saya dengan ini menyokong DR.47- rang undang-undang ini. Sekian terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Demikian Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah. Bakinya...

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, minta...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad.

11.03 pagi.

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Senator sekalian.

Alhamdulillah, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim yang dilantik sebagai Perdana Menteri yang ke-10, dan kepada Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Dato' Seri Fadillah bin Yusof akhirnya yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri I, dan Timbalan Perdana Menteri II, yang tidak pernah kita alami dan semualah sahabat-sahabat daripada Senator, Dewan Rakyat yang dilantik sebagai Menteri, dan juga sebagai Timbalan-timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah* pada hari ini kerajaan telah bersetuju kepada keanggotaan rasmi Jawatankuasa Pemilih bagi Dewan Negara yang sebelum ini tidak pernah berlaku. Jadi inilah perjuangan Tuan Yang di-Pertua dari hari pertama memegang tugas. Kami, saya dengan Dato' Razali sempat bersama-sama. Jadi *alhamdulillah*, hari ini

ia menjadi kenyataan. Ia memberi status yang berbeza kepada Dewan Negara selain daripada Dewan Rakyat selaku statusnya sebagai Dewan tertinggi dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada 1999 pilihan raya diadakan pada 29 November 1999. Pada kali ini pilihan raya diadakan pada 19 November 2022. Pada ketika itu, belanjawan telah pun dibentangkan sebelum dibubarkan tetapi dari tempoh 29 November sehingga ke hujung tahun dapat kita adakan sekali lagi perbincangan Belanjawan.

Maknanya tidak perlu memanggil, tidak perlu kerajaan mengemukakan permohonan Belanjawan sementara untuk berbelanja dari bulan Januari ke Februari sekitar 30 peratus daripada bajet asal yang dikemukakan oleh Perdana Menteri yang terdahulu.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang penting bagi kita, kita memang terpaksa dan mesti meluluskan Belanjawan ini. Kita tiada ada pilihan kerana kalau tidak kakitangan kerajaan tidak menerima gaji mereka pada bulan Januari, dan pada bulan Februari kerana dijangkakan belanjawan sebenar, belanjawan penuh akan dibentangkan sama ada akhir Februari ataupun sekitar Mac.

Cuma saya ingin mengatakan di sini bahawa, kita sudah melalui defisit belanjawan bermula daripada 1997 sehingga sekarang. Tiap-tiap tahun negara kita sentiasa berbelanja lebih daripada pendapatan. Bermakna negara kita sentiasa berhutang tahun demi tahun untuk menampung segala perbelanjaan emolumen dan juga pembangunan.

Cuma kali ini kita takut kepada- semua bimbang, saya pun bimbang tentang masalah dengan istilah ekstrem mana-mana ke kanan dan ke kiri. Kita dalam negara yang menghala ke abad baru ini sepatutnya banyak parti bermula kepada *center*, dengan izin. Dia bermula kepada ke tengah, jangan terlalu jauh ke kanan, kemudian ke kiri kerana ia memberikan satu ruangan yang cukup tidak sihat kepada perkembangan politik dan perpaduan negara.

Atas asas kerajaan sekarang menggunakan perkataan perpaduan walaupun daripada segi istilah saya berbeza. Kalau rujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, perpaduan itu belum tepat kerana perpaduan ini dia tidak ada pembangkang di mana-mana. Di Indonesia misal kata, dia menggunakan fraksi, poros atau fraksi. Kalau perpaduan dia tiada ada pembangkang tetapi oleh sebab Pembangkang masih wujud maka istilah yang lebih tepat merupakan gabungan atau campuran. Itu lebih tepat.

Akan tetapi itu tidak mengapalah, kita- soalan sekarang ialah yang penting kita hendak memastikan bahawa *income gap* dengan istilah. *Income gap* berdasarkan ras, *income gap* berdasarkan negeri, *income gap* berdasarkan kepada bandar dan luar bandar. Itu kerajaan yang perlu tangani supaya isu-isu perpaduan ini, di kalangan rakyat, di kalangan ras, di kalangan negeri betul-betul berlaku. Sebab itu negeri-negeri yang dulunya tertinggal, ditinggalkan secara sistematik maka mesti diberi perhatian khususnya negeri-negeri tersebut penduduk majoritinya penduduk majoriti negara.

Jadi jangan penduduk majoriti negara ditinggalkan, dengan izin, *income gap* semakin meluas dan yang tertinggal merupakan penduduk majoriti negara. Yang itu kalau berlaku, sudah tentu kerajaan yang bijak mesti menangani isu ini dengan bijak.

Sebab itu saya mohon atas apa yang ada, sifat yang ada pada Perdana Menteri yang ke-10 ini memberi perhatian khusus kerana pernah berlaku pada negeri Kelantan, satu-satunya negeri yang menang pada 1990. Seluruh negeri lain mendapat bilion peruntukkan air tetapi negeri Kelantan ditinggalkan. Dalam tempoh 10 tahun, kemudian dimaki hamun selepas itu kerana airnya tidak baik.

Macam mana hendak baik, 10 tahun ditinggalkan. Sebab itu sekarang ini *insya-Allah* doa rakyat Kelantan, doa rakyat Terengganu, doa rakyat Kedah, doa rakyat Perlis supaya *insya-Allah* Perdana Menteri akan benar-benar mengotakan katanya dengan menggunakan istilah perkataan perpaduan supaya mengangkat negeri-negeri dulu tertinggal supaya diangkat selaras, selari dengan negeri-negeri yang lainnya.

Kalau tidak, maka kita akan lihat bahawa sistematik, sistematik punya perpaduan ini dia berlaku secara sistematik.

Sebab itu, Perdana Menteri yang bijak, kerajaan yang bijak, dia kena pandai mengurus hal ini, kalau dia pandai *insya-Allah*, isu yang ditakuti ini saya fikir tidak mencabar. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, sikit sahaja. Sekarang ini teknologi terkini...

Tuan Yang di-Pertua: Betul-betul sikit.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Teknologi terkini *TikTok*. Banyak anak-anak muda memang cepat, reaksi respons kepada *TikTok*.

■1110

Jadi saya minta kerajaan jangan cepat-cepat hendak untuk memberi sekatan kepada *TikTok* kerana teknologi kini *TikTok*. Kita tidak tahu China ByteDance hendak buat apa selepas ini. Yang mengenalkan teknologi *TikTok* ini China ByteDance dari Negara China. Semua teknologi lain. *Facebook* saham jatuh. Mark Zuckerberg- semua yang Twitter pun jatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Zuckerberg-kah?

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Zuckerberg *Facebook*- jatuh kerana sekarang ini *TikTok* sudah menguasai. Mudah *simple* dan sekarang ini, *business* anak-anak muda berjaya. Berjaya dengan melalui *TikTok* ini sebab itu kerajaan mesti lagi melicinkan, lagi memberi *catalyst* kepada penggunaan *TikTok* semasa. Buat masa ini teknologi yang paling ke depan, paling kesukaan ini, paling mudah *TikTok* dan mereka berjaya menjadi orang-orang yang kaya-kaya, orang muda-muda kerana melalui *TikTok* ini.

Jadi, sebab itu saya minta kerajaan mesti fokus pada *TikTok* ini secara positif. Secara positif galakkan lagi kerana ini mudah, tidak perlu kewangan tinggi. Jadi, saya

mohon menyokong Belanjawan sementara ini, dan *insya-Allah* saya mendoakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Ke-10, kawan baik saya, sahabat baik saya... *[Ketawa]* Supaya kerana telah dinafikan beberapa kali... *[Tepuk]* Dinafikan secara sistematik beberapa kali. *Alhamdulillah*, 30 tahun perjuangan beliau, akhirnya Allah SWT makbulkan *insya-Allah*. Saya minta janji-janji dia pada saya dulu-dulu, dia akan tunaikan pada kali ini... *[Dewan ketawa]* *Wallahuaklam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad, apa janji itu simpanlah dahulu ya... *[Ketawa]* Saya rasa tertinggal kalau rakan dari Sarawak dan Sabah tidak berucap. Jadi, kalau ada keinginan untuk memberi ucapan perwakilan dari kedua-dua wilayah, dipersilakan. Jika tidak, kita teruskan dengan urusan kita pada pagi ini. Akan tetapi dalam rekod, kita beri peluang.

Alhamdulillah, Ahli-ahli Yang Berhormat, diminta Yang Berhormat Menteri memberi sedikit reaksi ataupun jawapan kepada ucapan-ucapan, dan isi kata yang telah dikemukakan. Sila.

11.12 pagi.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair yang menyatakan tentang pentingnya perpaduan dalam negara ini.

Dalam bajet ini kita memperuntukkan kepada Kementerian Perpaduan Negara sebanyak RM270,797,650 dan kita juga mengambil ingatan tentang cadangan daripada Yang Berhormat Senator mengenai karier seni filem yang sepatutnya mempertingkatkan nilai-nilai perpaduan antara rakyat.

Sungguh bahawa 'undi percaya' telah diperoleh. Walaupun tidak ada undian Belah Bahagi selepas Usul 'Undi Percaya' itu tetapi melihat kepada kemenangan Tuan Yang di-Pertua- 147 undi; Timbalan Tuan Yang di-Pertua I- 148 undi; Timbalan Tuan Yang di-Pertua II- 146 undi. Ini menunjukkan bahawa sekitar dua per tiga tentunya diperoleh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Ahli Parlimen Tambun... *[Tepuk]*

Kita telah lama tidak mendapat 148 undi ataupun dua per tiga sokongan ini. Bermula tahun 2008 tidak ada dua per tiga, tahun 2013 tidak ada, tahun 2018 tidak ada. Inilah selepas tahun 2004, berlaku sokongan dua per tiga/ majoriti, dan kita berharap selepas ini kestabilan politik akan menjadi tonggak kepada Kerajaan Perpaduan.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, saya ingin memaklumkan di sini Tuan Yang di-Pertua bahawa kerajaan memperuntukkan untuk hujung tahun 2022 dan awal tahun 2023 khusus untuk NADMA iaitu agensi pengurusan bencana negara yang dikendalikan oleh Jabatan Perdana Menteri di bawah Perdana Menteri dan

dipertanggungjawabkan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi yang telah pergi dua kali ke Kelantan, semalam Terengganu.

Saya ingin memaklumkan bahawa RM400 juta Tuan Yang di-Pertua diberikan untuk khusus bagi menangani masalah banjir yang kita sedang hadapi sekarang. RM400 juta untuk tahun 2022 dan tahun 2023 kepada NADMA.

Segala ucapan tahniah daripada Yang Berhormat Senator, saya akan sampaikan seawal pukul satu tengah hari ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Mesyuarat Pasca-Kabinet yang saya akan hadir.

Seterusnya, cadangan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris juga saya akan sampaikan kepada Senator-senator 'Gurkha'... *[Ketawa] Quote-unquote* mengenai permohonan supaya diberikan sedikit peruntukan kepada Senator sebagaimana diberi... *[Tepuk]* Saya akan sampaikan cadangan itu...

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih. Terima kasih Menteri.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan: Sampaikan cadangan itu.

Datuk Razali bin Idris: Ingatkan tidak lulus. Ini hendak tanya. Sudah lulus itu kira *alhamdulillah*. Terima kasih. RM250 ribu... *[Dewan ketawa]*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan: Saya akan sampaikan cadangan Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa-memang kita tahu pentingnya pelaburan-pelaburan ini antara punca pelabur dalam FDI yang hadir yang datang bertandang ke negara kita ini antara sebab ialah empat punca kenapa mereka datang iaitu: pertama, kestabilan politik itu. Di Malaysia ini selama-lamanya kehadiran FDI adalah kerana kestabilan politik. Akan tetapi, ia tidak berlaku selama lima tahun yang lalu.

Kedua, prasarana yang baik sama ada daripada segi lapangan terbang, jalan raya, 4G dan 5G. Kemudian pula pelabuhan-pelabuhan.

Ketiga, buruh mahir ataupun buruh separuh mahir.

Keempat adalah insentif cukai yang dibuat oleh MIDA melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang dalam kita punya bajet sementara ini diperuntukkan RM312,548,250 kepada MITI untuk menarik lebih banyak lagi FDI.

Oleh sebab itu, kestabilan politik adalah amat penting dan diumumkan oleh Perdana Menteri semalam bagaimana Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei bertekad untuk membawa pelabur dari Brunei untuk melabur ke negara ini. Itu dalam masa seminggu dua ini. Tentunya selepas ini setahun dua lagi banyak pelabur yang akan datang untuk melabur di negara kita bagi memberikan pekerjaan, bagi memberikan pendapatan kepada negara.

KDNK kita- Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa untuk tahun 2022 ini 6.5 peratus hingga tujuh peratus jangkaan dan harapan kita pada tahun hadapan walaupun kita berhadapan dengan cabaran ekonomi dunia yang begitu hebat, kita harap setidak-tidaknya sekitar 6.5 peratus itu kita akan perolehi daripada segi pertumbuhan keluaran dalam negara kasar KDNK.

Disebut oleh Yang Berhormat Senator tentang pengangguran. Kita- angkanya Oktober 2022 ialah 3.6 peratus. Jika sekitar tiga peratus bererti ia adalah guna tenaga penuh, dengan izin, *full employment level*. Walau bagaimanapun, 3.6 peratus ini yang merunsingkan kita ialah kadar pengangguran dalam kalangan belia sekitar 10 peratus dan tentunya kerajaan akan berusaha untuk menangani membina pekerjaan-pekerjaan baharu terutama kepada lepasan universiti.

Yang Berhormat Senator juga menyebut tentang undi percaya. Saya telah sebut tadi bahawa dua per tiga pada hari Isnin 19 hari bulan yang lalu.

Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah. Beliau menyebut tentang Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri. Saya ingin menyatakan betapa kita- satu perkara yang luar biasa berlaku. *Alhamdulillah*, akhirnya ada wakil dari Sarawak, dari belah pulau *Borneo* itu akhirnya ada Timbalan Perdana Menteri pada sebelah sana. Tuan Yang di-Pertua, isteri saya orang Sarawak. Jadi, saya pun gembira kerana Timbalan Perdana Menteri akhirnya ada seorang dari Sarawak, Dato' Seri Fadillah bin Yusof selain daripada Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi.

Tanah runtuh disebut. Saya sendiri pergi. Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah tentunya Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri pergi. Perdana Menteri telah mengumumkan bantuan RM1,000 kepada semua 94 orang keluarga dan RM10 ribu kepada waris yang kehilangan nyawa.

■1120

Kita sedang berusaha untuk mencari sembilan lagi mangsa yang masih belum ditemui. Kita terlupa kadang-kadang ada ribuan anggota pasukan keselamatan yakni Polis, Bomba yang membantu dan banyak lagi jabatan yang membantu. Jabatan kesihatan, hospital dan sebagainya yang kita rakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada mereka yang bekerja siang dan malam untuk mencari... [*Tepuk*] Tentunya hal-hal alam sekitar ini akan kita tangani untuk masa-masa yang akan datang.

Defisit, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam ada menyebut. Saya ingin menyatakan bahawa defisit sekarang ini ialah 5.8 peratus. Saya dah bertanya dalam satu taklimat dengan Gabenor Bank Negara baru-baru ini bersama Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada hari Khamis minggu lepas.

Saya bertanya, berapakah peratus defisit yang ideal? Sebelum Tan Sri Gabenor menjawab, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan menjawab, dia kata tidak ada ideal

dalam defisit ini. Tak pernah ideal. Saya pula mencelah bahawa usaha Menteri Kewangan untuk mencapai bajet berimbang ketika beliau pernah menjadi Menteri Kewangan dahulu amat sukar kelihatannya pada masa-masa akan datang.

Antara punca ialah kerana hutang langsung kita, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyatakan jumlahnya, Menteri Kewangan pun telah menyatakan jumlahnya, RM1.078 trilion. RM1.078 trilion merupakan hutang langsung Kerajaan Persekutuan pada saat dan ketika ini. Kenapakah kita tiba-tiba hutang yang begini tinggi? Antara puncanya ialah kerana kita berada dalam era paling sukar. Era yang tak pernah berlaku dalam sejarah dunia dan sejarah negara kita sendiri. Berhadapan dengan pandemik COVID-19 yang kita mencari formula, mencari wang. Takkan kita nak dikenakan cukai baharu ketika rakyat susah?

Oleh sebab itulah maka kita membuat keputusan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk menaikkan kadar paras hutang daripada 55 peratus kepada 60 peratus kemudian kepada 65 peratus. Sebab pada ketika itu, di manakah lagi sumber untuk kita mencari kewangan negara selain daripada menaikkan paras hutang? Lima peratus itu boleh dapat sekitar RM80 bilion ke RM90 bilion tambahan wang kepada negara. Kita berhutang bukan dari luar negara, Tuan Yang di-Pertua.

Kita berhutang daripada institusi dalam negara dan luar negara hanya sekitar tiga peratus sahaja pada keseluruhan hutang. Oleh itu, turun naik Ringgit tidak akan memberi kesan kepada hutang kerana kita hanya ada sedikit peratusan iaitu hanya tiga peratus kepada RM1.078 trilion ini.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau satu trilion itu Yang Berhormat Menteri, untuk orang kampung kita, berapa bilion itu?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan: Dia, satu trilion ini ialah sejuta, sejuta kali. Kalau sejuta itu ada enam kosong Tuan Yang di-Pertua, satu...

Tuan Yang di-Pertua: Bukan seribu bilion, kah?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan: Lebih kurang sama juga.

Tuan Yang di-Pertua: Sahaja saya nak tanya sebab orang kampung selalu tanya, trilion itu tak dapat nak digambar.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan: Dia begini. Sejuta ada enam kosong. Satu trilion, sejuta kali sejuta bererti ada 12 kosong, Tuan Yang di-Pertua. Bilion ada sembilan kosong, trilion ada 12 kosong, million ada enam kosong.

Tuan Yang di-Pertua: Amatilah jawapan itu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Versi yang satu lagi, seribu bilion.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya, itu pun sukar juga untuk difahami.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan: Kita belajarlah angka-angka ini sebab ia angka-angka yang jarang disebut. Selalu sebut million dan bilion. Trilion ini jarang-jarang disebut. Walau bagaimanapun, kita sedang mencari kaedah terbaik, Tuan Yang di-Pertua. Kaedah terbaik bagaimana cara untuk kita mengatasi hutang dan defisit 5.8 peratus ini. Tahun depan kemungkinan defisit boleh dikurangkan sedikit tetapi usaha kita untuk mencari kaedah terbaik pendapatan negara tanpa terlalu menyukarkan kehidupan rakyat itu antara tugas penting Menteri Kewangan yang saya bantu sekarang.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam juga menyebut kos sara hidup. Kos sara hidup ini untuk kali pertama dalam negara kita, kita dengar satu kementerian yang bernama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup. Tak pernah ada, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum ini tak pernah ada Menteri Kos Sara Hidup. Jadi ini kita gabungkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup. Tentunya ia adalah bertujuan untuk memastikan kos sara hidup rakyat adalah dalam peringkat yang terkawal.

Pendidikan, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam, memang kita jadikan kerja utama. Dalam Bajet ini, RM24.975 bilion kita peruntukkan. Kesihatan juga merupakan perkara utama, itu sebab kita peruntukkan RM17.05 bilion dalam bajet sementara ini. Kenapakah kita panggil 'bajet sementara'? Bajet sementara menunggu bajet yang sebenar, ha begitu. Bajet sebenar bulan Februari. Bilakah bulan Februari? Kita tunggu tarikhnya dan tentunya perbahasannya ada dalam bulan Mac.

Kita peruntukkan ini Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk enam bulan. Kenapakah enam bulan? Kerana perbahasan Bajet itu mungkin sampai bulan Mac atau mungkin awal bulan April ke, saya pun tidak pasti lagi tarikhnya. Oleh sebab itu, bulan Januari, Februari, Mac, April, gaji kena bayar. Bukan hanya gaji yang perlu dibayar tetapi juga contoh perkara yang penting.

Kembali kepada Yang Berhormat Senator Dato' Arman, bahawa beliau kata bagi tunai kepada rakyat. Maka antara bajet yang kita nak bagi tunai kepada rakyat ini sebagaimana diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam, RM150 kepada semua pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah, RM150. Jumlahnya RM450 juta. Bunyi kecil, RM150 tetapi bila dicampurkan semua sekali anak-anak sekolah rendah dan sekolah menengah dari Perlis sampai ke Sabah, jumlahnya RM450 juta. Ini merupakan bantuan tunai kepada rakyat yang disebut dan yang dipohon oleh Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha. Satu daripada bantuan tunai kepada rakyat yang kita akan sampaikan.

Kemudian, Yang Berhormat Senator Haji Mohd Apandi. Semua ini kawan-kawan saya, Tuan Yang di-Pertua. Mereka pun walaupun duduk di sebelah sana tetapi kawan jugalah. Sekitar 50 peratus daripada Bajet yang kita keluarkan untuk diluluskan sebentar lagi ini, 50 peratus daripada Bajet keseluruhan. Saya pun dah sebut tadi kenapa kita

berhutang, tentang defisit belanjawan. Saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator Haji Mohd Apandi, defisit ini kerana kita memberikan subsidi yang begitu banyak. Subsidi yang begitu banyak kepada rakyat.

Bantuan subsidi produk petroleum termasuk petrol, diesel, LPG. Ini semua terbakar hangus tetapi kalau tak terbakar hangus, tak bergeraklah segala kenderaan itu dan tak masalah segala makanan itu. Maka jumlahnya ini, antara jumlah yang ada di tangan saya ialah RM18.6 bilion yang kita nak bagi. Kemudian minyak masak pun kita bagi subsidi, Tuan Yang di-Pertua. RM500 juta.

Ada yang akan kita luluskan sebentar lagi, ini minyak masak hari-hari di rumah kita dan juga di tempat-tempat lain. Memang saya akui, wujud lagi perbezaan pendapatan. Ada dua peringkat perbezaan pendapatan. Satu perbezaan pendapatan antara kaum yang perlu kita tangani dan satu lagi ialah perbezaan pendapatan antara negeri-negeri. Saya yakin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan berlaku adil ke Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis.

Hari ini selepas *Post Cabinet*, beliau akan pergi melawat mangsa banjir di Pantai Timur. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan pergi mengikut jadual yang dimaklumkan kepada saya, jika tiada apa-apa perubahan dan tentunya beliau akan terus bersama-sama untuk membantu rakyat tak kira di mana mereka berada.

Tentang *Tik Tok* ini, Yang Berhormat Senator Haji Mohd Apandi. Kalau ia diadakan untuk menyebarkan segala perkara yang benar, ia tidak menjadi masalah. Yang jadi masalah ialah apabila digunakan untuk menyebarkan fitnah. Sebagai contoh, tuduhan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerima RM15 juta untuk bayaran selaku Penasihat Ekonomi Selangor. Walhal beliau tak terima RM15 juta itu dan dimasukkan dalam *Tik Tok* perkara itu. Satu bulan, satu juta perkongsian dan 6,061 komen.

Jadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terpaksa menyaman Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Md Yassin tentang fitnah begitu. Jadi kita sebagai pemimpin, jangan buat fitnah. Tak kira dalam *Tik Tok* kah, dalam *Twitter* kah, dalam *Facebook* kah, dalam *Instagram* kah. Jangan kita salah gunakan media sosial untuk kepentingan kita.

■1130

Akhir Tuan Yang di-Pertua...

*Dayung arah Kota Permata,
Handal panglima jadi hikayat;
Junjung Titah lupa sengketa,
Ayuh bersama demi rakyat... [Tepuk]*

Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

*Bunga selasih dari Kuantan,
Lalu dibeli dek Che Wahab;
Terima kasih Dewan ucapkan,
Kerana semua soalan sudah dijawab... [Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita susur dengan bahasa biasa. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan beliau. Saya terkesan dengan jawapan berkaitan dengan *TikTok* tadi. Harus kita hormati dan jangan beri keuntungan kepada pencipta *TikTok* tetapi kita rugi sebagai bangsa.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini Dibacakan Kali Yang Kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang Undang-undang Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022 dan Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan dibacakan Kali Yang Kedua]

Bacaan Kali Yang Ketiga

11.31 pg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi membenarkan perbelanjaan untuk sebahagian dari tahun yang berakhir pada 31 Disember 2023 telah disetujui tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2) rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Penyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Sim Chee Keong]: Saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Demikian sokongan, Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mungkin dalam sejarah tahun ini, inilah sesi Dewan Negara yang paling ringkas... *[Dewan ketawa]* Akan tetapi dalam keringkasan itu, saya dapati ada suatu penjelmaan sentimen yang baik iaitu ukhuwah

antara kita dan persahabatan, persefahaman dan niat yang paling tinggi agar Malaysia terjaga dan terjamin.

Dengan ungkapan itu, di samping mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Menteri yang hadir serta Ahli-ahli yang turut bersama, kita tangguhkan mesyuarat dan sesi pada kali ini sehingga tanggal yang akan dimaklumkan kelak. Demikian, *wassalamualaikum*.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 11.33 pagi]